



اونیورسیتی تکنولوژی مارا
 UNIVERSITI
 TEKNOLOGI
 MARA

Cawangan Negeri Sembilan

EDISI 13

OKTOBER 2024

BULETIN APB

*Global
Education*

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
 CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
 KAMPUS SEREMBAN



Membentuk Masa Depan: Rangkaian Strategi Kebolehpasaran Graduan

NURUL SYAFAWANI HALIM, NURUL KAMALIA YUSUF, NIK MAHFUZAH NIK MAT & RODHIAH AMZAH
UiTM KAMPUS SEREMBAN

Pada era globalisasi ini, kebolehpasaran graduan universiti merupakan isu yang semakin mendapat perhatian, terutamanya dalam meniti arus modenisasi serta kemajuan teknologi yang menjadikan pasaran kerja semakin kompetitif. Kebolehpasaran merujuk kepada kemampuan seseorang individu untuk mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan, yang bergantung bukan sahaja kepada kelayakan akademik tetapi juga kepada kemahiran praktikal dan kebolehan untuk beradaptasi (*National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*).

Terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi kebolehpasaran pelajar termasuklah kemahiran teknikal dan interpersonal, pengalaman kerja melalui latihan industri, serta jaringan profesional yang dibina semasa tempoh pengajian di peringkat universiti. Bagi mempersiagakan graduan universiti dalam menghadapi cabaran dunia kerja yang berdaya saing, berikut merupakan rangkaian strategi untuk membantu mempertingkatkan kebolehpasaran graduan baik untuk pasaran domestik mahupun global.

1. Kurikulum Bersepadu: Merekabentuk dan mengemaskini kurikulum seiring dengan keperluan pasaran agar pengetahuan serta kemahiran mahasiswa mampu memenuhi keperluan industri pada masa kini di samping memastikan kejayaan bagi jangka masa panjang. Institusi pendidikan perlu menyediakan program latihan kemahiran, serta memperluas peluang untuk para mahasiswa universiti menjalankan latihan industri, amali, klinikal atau kerja-kerja komuniti. Selain daripada teori pembelajaran, mereka perlu dilatih untuk menerapkan pengetahuan dalam situasi dunia nyata. Melalui pendekatan ini, kemahiran praktikal yang diperlukan di tempat kerja dapat dipertingkatkan.

2. Sokongan Pusat Kerjaya Universiti: Menyediakan maklumat dan bimbingan mengenai peluang pekerjaan di pasaran global, serta cara memasarkan kemahiran graduan di pasaran tempatan. Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 telah menggariskan empat strategi utama untuk membantu institusi pengajian tinggi menghasilkan graduan yang mampu menghadapi masa depan, serta seimbang dan holistik. Strategi tersebut merangkumi pengukuhan kecemerlangan bakat, peluasan peluang kerjaya untuk pelajar, penguatan proses pengajaran dan pembelajaran, serta pengukuhan hubungan dengan industri.

3. Teknologi: Memperkasakan kemahiran digital, pengaturcaraan, dan penggunaan perisian serta perkakasan terkini yang lain. Graduan yang berkualiti perlu lebih proaktif dalam memanfaatkan pelbagai kemahiran digital yang dikehendaki oleh majikan untuk meningkatkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan idaman. Antara lima bidang utama yang berkaitan dengan kemahiran digital yang diutamakan oleh majikan dalam era globalisasi ialah pemasaran digital, perisian dan pembangunan aplikasi, e-dagang, analitik data serta pangkalan data. Dengan adanya pengetahuan dan kemahiran sebegini, graduan akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dunia kerja yang semakin berkembang dan kompetitif.



4. Kemahiran: Memfokuskan kepada cara graduan untuk mempertingkatkan kemahiran seperti pemikiran kritis dan kreatif serta cara berkomunikasi dan berkolaborasi. Kemahiran seperti ini sangat dihargai di peringkat global dan ia lazimnya dapat diperoleh melalui penglibatan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti seperti program pertukaran pelajar, pertandingan berasaskan pendidikan dan penyertaan dalam aktiviti sukan terutamanya di peringkat antarabangsa.

5. Kerjasama Antarabangsa: Mewujudkan jalinan kerjasama dengan institusi pendidikan di luar negara untuk membangunkan program-program yang menyokong proses pembelajaran seperti program *dual-degree* atau projek penyelidikan bersama.



6. Sumber Pembelajaran Digital:

Memanfaatkan platform digital sebagai akses kepada kursus dan sumber pendidikan global seperti *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan *Open Educational Resources (OER)*. Graduan perlu mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan masing-masing dalam pelbagai cabang ilmu. Dengan adanya teknologi, pendidikan telah menjadi lebih mudah diakses, menarik, bersifat kolaboratif dan berkesan.

7. Mentor dan Jaringan: Menyediakan peluang untuk pelajar berinteraksi dengan profesional dan alumni yang mempunyai pengalaman meluas tentang alam pekerjaan. Institusi pendidikan khususnya perlu memperbanyakkan program mentoring yang sedikit sebanyak dapat membantu graduan memahami pasaran kerja tempatan serta antarabangsa. Mentor juga dapat membimbing graduan untuk mengembangkan karier dan memperdalam potensi diri mereka secara lebih efektif.

8. Kesedaran Budaya: Mendedahkan graduan tentang kepelbagaian budaya, bahasa dan nilai-nilai berbeza yang terdapat bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh pelusuk dunia. Ini boleh dilakukan melalui penganjuran kursus, seminar, serta pelbagai jenis aktiviti kebudayaan yang ternyata dapat membantu mereka beradaptasi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam persekitaran kerja yang pelbagai dan sekaligus menjadi calon keutamaan majikan di peringkat global.

Inisiatif-inisiatif ini ada di antaranya telah pun dilaksanakan di institusi pengajian tinggi tempatan, tetapi mungkin perlu ditambahbaik mengikut keperluan semasa. Secara keseluruhannya, usaha bersepadu dan libat urus semua pihak termasuk institusi pendidikan, pihak industri, serta pihak-pihak berkepentingan yang lain perlu diperhebatkan bagi memastikan perancangan untuk kebolehpasaran graduan adalah lebih komprehensif dan mampan, terutama sekali dalam mendepani revolusi industri yang semakin berkembang. Walaupun masa depan sukar diramalkan dengan tepat; namun, graduan berkualiti pasti dapat dipersiapkan bagi meraih kejayaan pada masa hadapan.

Rujukan

- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2021). *Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025*.
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2012). *National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*.